

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**IEK 102 – Pengolahan, Pelupusan & Pengurusan Sisa Pepejal  
& Sisa Terjadual**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.  
Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Sebuah kawasan kediaman mempunyai populasi penduduk 15,000 orang. Kadar penjanaan sisa pepejal bagi kawasan kediaman tersebut adalah pada kadar purata 5 Ib/kap/hari. Sementara itu tapak pelupusan seluas 25 ekar telah disediakan bagi tujuan pelupusan sisa pepejal berkenaan dengan purata kedalaman pemampatan sisa dihadkan sehingga 20 kaki oleh jabatan topografi. Dianggarkan sisa pepejal termampat akan mempunyai unit berat sebanyak 1000 Ib/yd<sup>3</sup> dan tambahan isipadu sebanyak 25% diperlukan untuk bahan penutup.
- i. Berapa tahunkah jangkaan jangka hayat penggunaan tapak pelupusan tersebut.
- Di beri;
- 1 ekar bersamaan 43,560 kaki per segi  
1 yd<sup>3</sup> bersamaan 27 kaki padu
- (b) Berikan tiga ciri utama yang membezakan tapak pelupusan sanitari dengan tapak pelupusan biasa.
- (c) i. Berikan takrifan sisa berbahaya beserta ciri-ciri asas sisa berbahaya.
- ii. Adakah perbezaan di antara sisa berbahaya dan (“hazardous waste”) dan bahan berbahaya (“hazardous material”) dan patutkah sebutan sisa toksik disalingtukar sebutan dengan sisa berbahaya. Jelaskan secara ringkas jawapan anda.

(20 markah)

2. (a) Anda dikehendaki menganggarkan tenaga yang akan terjana daripada komponen-komponen sisa pepejal yang di bawa ke sebuah stesen pemindahan.
- i. Salin semula jadual di bawah dalam kertas jawapan anda dan lengkapkan jumlah tenaga, Btu bagi setiap komponen sisa yang di beri bagi lajur jumlah tenaga serta baris jumlah sisa pepejal, Ib

Komponen sisa pepejal	Sisa pepejal, Ib	Tenaga, Btu/Ib	Jumlah tenaga, Btu
sisa makanan	20	2,500	
kertas	40	7,500	
kadbod	10	10,000	
plastik	3	14,000	
kayu	4	16000	
sisa halaman	15	2000	
kulit	1	4000	
kaca	7	50	
<b>Jumlah</b>			

Nota: Ib = pound

Btu = British thermal unit

Ib x 0.4536 = kg

Btu/Ib x 2.326 = kJ/kg

- ii. Menggunakan jadual yang telah anda lengkapkan, anggarkan kandungan tenaga dalam unit Btu/Ib dan kJ/kg bagi jumlah sisa pepejal yang tinggal jika 90% sisa kadbod dan 60% sisa kertas dikitar semula oleh pengguna.

- (b) Apakah tujuan aktiviti penutupan oleh bahan penutup setiap hari di tapak pelupusan sanitari dan apa yang membezakannya dengan aktiviti penutupan akhir.

(20 markah)

3. (a) Di beri maklumat berkenaan sistem bekas seret adalah seperti berikut;
- |   |   |                             |
|---|---|-----------------------------|
| kuantiti sisa pepejal terjana               | = | 300 yd <sup>3</sup> /minggu |
| saiz bekas                                  | = | 8 yd <sup>3</sup> /trip     |
| faktor penggunaan bekas                     | = | 0.67                        |
| jangkamasa pengutipan bekas                 | = | 0.033 jam/trip              |
| jangkamasa pengosongan bekas                | = | 0.033 jam/trip              |
| jangkamasa di tapak                         | = | 0.053 jam/trip              |
| faktor kepincangan perjalanan               | = | 0.15                        |
| jangkamasa kerja sehari                     | = | 8 jam/hari                  |
| jangkamasa pemanduan di antara lokasi bekas | = | 0.067 jam/trip              |
| pemalar empirik trip                        | = | 0.022 jam/trip              |
| pemalar empirik jarak                       | = | 0.022 jam/bt                |
| jarak satu pusingan lengkap                 | = | 0.1 bt/trip                 |

Berdasarkan maklumat yang diberi;

- i. Tentukan bilangan trip dalam satu minggu.
- ii. Anggarkan jangkamasa pengutipan untuk sistem tersebut
- iii. Anggarkan masa yang diperlukan bagi tempoh satu minggu untuk sistem tersebut membuat satu pusingan lengkap.

$$\text{Di beri: } N_w = v_w / cf$$

$$P_{hcs} = pc + uc + dbc$$

$$D_w = t_w (P_{hcs} + s + a + bx) / [(1 - W)H]$$

$$yd^3 \times 0.7646 = m^3$$

$$1bt = 1.6093km$$

- (b) Apa itu larutresap dan bagaimakah cara mengawal larutresap bagi pelupusan sisa pepejal menerusi kaedah tapak pelupusan.

(20 markah)

4. (a) Lakarkan keratan rentas bagi sebuah tapak pelupusan sanitari.
- (b) Bincangkan secara ringkas berkenaan;
- i. penjanaan gas di tapak pelupusan
  - ii. kawalan terhadap gas-gas tersebut
  - iii. kemungkinan bahaya yang timbul
- (c) Nyatakan secara ringkas apakah yang dimaksudkan dengan;
- i. kandungan lembapan
  - ii. sisa berbahaya
  - iii. larutresap
  - iv. biodegradasi
- (d) Apakah keburukan tapak pelupusan sebagai kaedah pelupusan sisa pepejal.
- (20 markah)
5. (a) Isipadu awal jisim sisa pepejal direkodkan sebanyak  $25\text{m}^3$ . Selepas pemampatan, isipadunya berkurang menjadi  $5\text{m}^3$ .
- i. Kirakan peratus isipadu pengurangan sisa pepejal tersebut
  - ii. Kirakan nisbah mampatan yang digunakan
  - iii. Jika isipadu sisa pepejal perlu dikurangkan sebanyak 90%, berapakah nisbah mampatan yang sepatutnya digunakan.
- (b) Apakah perbezaan di antara kaedah “land farming” dan “landfilling” bagi sisa berbahaya
- (20 markah)

6. (a) Di beri maklumat berkenaan sistem bekas tetap adalah seperti berikut;
- |  |                               |
|--|-------------------------------|
| kuantiti sisa pepejal terjana                      | = 300 yd <sup>3</sup> /minggu |
| saiz bekas   | = 8 yd <sup>3</sup> /lokasi   |
| faktor penggunaan bekas                            | = 0.67                        |
| kapasiti kenderaan pengutip                        | = 30 yd <sup>3</sup> /trip    |
| nisbah pemampatan kenderaan pengutip               | = 2                           |
| purata jangkamasa pemanduan antara lokasi<br>bekas | = 0.0667 jam/lokasi           |
- i. Tentukan bilangan bekas yang dikosongkan dalam satu trip  
ii. Anggarkan jangkamasa pengutipan bagi satu bekas  
iii. Tentukan bilangan trip yang diperlukan bagi tempoh satu minggu

Diberi  $C_t = vr / cf$   
 $P_{scs} = C_t(uc) + (n_p - 1)(dbc)$   
 $N_w = \frac{V_w}{vr}$

- (b) Bincangkan dengan ringkas kaedah olahan biologi untuk sisa berbahaya.

(20 markah)